

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]
TARIKH : 9 JUN 2014 (ISNIN)
SOALAN : Tuan William Leong Jee Keen minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi memastikan dasar-dasar pertanian dan makanan yang mampan untuk memberi jaminan keselamatan makanan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan melalui Kementerian telah menggubal Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2011-2020 bagi mencapai 3 objektif utama iaitu menjamin bekalan makanan yang mencukupi dan selamat dimakan, menjadikan industri agromakanan sebagai industri yang berdaya saing dan mampan serta meningkatkan tahap pendapatan usahawan tani. Selaras dengan pelaksanaan DAN, beberapa langkah telah dilaksanakan untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara melalui :-

- i) pelaksanaan Projek Berimpak Besar seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Pusat Fidlots Nasional, Ladang Kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani serta *Entry Point Projects* di bawah NKEA Pertanian;
- ii) penggunaan tanah pertanian secara optimum di mana kawasan tanaman semula kelapa sawit akan dibangunkan dengan tanaman selingan singkat masa seperti pisang, nanas dan tembikai serta menjalankan projek integrasi ternakan di kawasan perladangan industri;

- iii) pembangunan tanah terbiar yang ketika ini dianggarkan berjumlah 100,000 hektar dibangunkan khususnya bagi tanaman padi dan lain-lain aktiviti pertanian;
- iv) pembangunan empat (4) kawasan pembangunan pertanian bersepadu (IADA) iaitu Pekan dan Rompin di Pahang, Batang Lupar di Sarawak dan Kota Belud di Sabah sebagai jelapang padi Negara yang baru;
- v) penumpuan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) kepada peningkatan pengeluaran hasil secara mampan. Antara penemuan terbaru R&D adalah pembangunan teknologi padi 'Aerob' iaitu teknologi baru tanaman padi tanpa air bertakung;
- vi) pembangunan sistem rantai bekalan makanan yang lebih terangkum dan kukuh dengan penglibatan Kerajaan, swasta serta petani, penternak dan nelayan bagi menghubungkan pengeluaran dengan permintaan pasaran, meningkatkan aktiviti nilai ditambah serta mengurangkan risiko perniagaan. Ia akan dilaksanakan melalui projek-projek seperti Program Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), Program Keusahawanan Agrobazaar Kedai Rakyat dan Motosikal Roda Tiga serta Pasar Komuniti dan Karavan (PAKAR) di seluruh Negara; dan
- vii) penglibatan aktif pihak swasta dalam menjana peningkatan pengeluaran makanan dalam negara akan terus digalakkan dengan perluasan insentif fiskal termasuk pelaburan semula dan baru meliputi semua aktiviti pengeluaran dan pemprosesan. Pinjaman mudah yang mencukupi akan disediakan melalui Agrobank dan TEKUN dan akses kepada pembiayaan akan diperbaiki.